# *STANDARD OPERATING PROCEDURE*
# PENYEDIAAN PRASARANA & KELENGKAPAN HOSPITAL MESRA IBADAH (HMI)

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

SOP HMI Versi 7.0 Tahun 2020

## PENDAHULUAN

SOP ini disediakan dan dibangunkan oleh Sekretariat Hospital Mesra Ibadah sebagai panduan bagi penyelarasan penyediaan, penggunaan dan penyelenggaraan prasarana dan kelengkapan Hospital Mesra Ibadah (HMI) bagi pelanggan hospital (dalaman dan luaran).

## PELAKSANAAN

Pelaksanaan SOP ini adalah seperti berikut :

1. **Kit Solat:** Ia adalah untuk kegunaan pesakit yang memerlukan peralatan dan panduan bagi kemudahan melaksanakan ibadah solat, mengambil wuduk dan bertayammum;
2. **Sudut HMI:** Sudut ini adalah sebagai sumber rujukan di mana ia hendaklah dipamerkan di ruang yang bersesuaian dan mudah dilihat oleh semua pelanggan hospital; dan
3. ***Bunting* HMI:** Panji-panji ataupun *bunting* sebagai mempromosikan Program Hospital Mesra Ibadah (HMI) hendaklah dipamerkan di ruang yang bersesuaian dan mudah dilihat oleh semua pelanggan hospital.

## TANGGUNGJAWAB

Semua Ketua Jabatan / Ketua Unit / Ketua Penyelia Jururawat / Ketua Penyelia Hospital hendaklah memastikan agar semua peralatan ini dijaga, diselia dan sentiasa berada dalam keadaan baik. Sebarang lain– lain keperluan tambahan ataupun kerosakan/ dan sebagainya hendaklah dimaklumkan kepada :

Setiausaha
Jawatankuasa Hospital Mesra Ibadah
Hospital _______________

## PENUTUP

SOP ini dijadikan sebagai sumber rujukan bagi prasarana dan kelengkapan HMI untuk kegunaan semua pelanggan terutamanya pesakit yang sedang menerima rawatan di hospital KKM.

**CARTA ALIRAN KERJA**
**SOP INFRASTRUKTUR HMI**



**CARTA ALIRAN KERJA**
**MENGAWASI DAN MEMANTAU KEPERLUAN KAPASITI DI SURAU / BILIK SOLAT / RUANG SOLAT**



**CARTA ALIRAN KERJA**
**SOP PRASARANA HMI (ARAH KIBLAT)**



## CARTA ALIRAN KERJA
## SOP PRASARANA HMI (KIT SOLAT)



## BORANG ORiENTASI HMI KEPADA PESAKIT DI WAD

1. Memaklumkan pesakit tentang hospital mengamalkan Program Hospital Mesra Ibadah di mana kemudahan surau, bilik solat ataupun ruang solat dan kit solat ada disediakan. Sekiranya pesakit memerlukan bantuan untuk beribadah, pesakit dimohon mendapatkan bantuan dari kakitangan wad.

2. Memaklumkan mengenai masuknya waktu solat, *solat reminder*, berbuka puasa, menyiarkan azan melalui alat siaraya dan lain-lain lagi, dengan syarat mendapat persetujuan pesakit. tanpa prasangka dan bersifat *without offensive to anybody or doing any harm*.